

10 MAY 2002

Ling-Pemilihan/I (Bergambar)

MCA KE ARAH KEDAMAIAN DAN KESTABILAN

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Jika semuanya berjalan lancar semasa pencalonan bagi pemilihan bahagian MCA hari ini dan para pemimpin serta anggota parti tetap dengan ikrar mereka untuk tidak mengadakan pertandingan, agenda kedamaian dan kestabilan parti akan dapat dicapai.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata dengan sesetengah negeri mencapai persetujuan 100 peratus untuk tidak mengadakan pertandingan, kebanyakannya mencapai persetujuan 95 peratus untuk mematuhi rancangan damai itu bagi mengekalkan status quo para pemimpin sekarang.

"Saya gembira kerana kami telah dapat melakukannya dalam masa yang singkat ini.

"Hanya tinggal sedikit sahaja lagi (untuk tidak langsung mengadakan pertandingan) menjelang malam ini atau esok... barulah kita dapat gambaran yang lebih jelas," katanya kepada media selepas mempengerusikan jawatankuasa khas sembilan anggota yang ditubuhkan minggu lepas sebagai perantara dalam mengekalkan status quo, di Wisma MCA di sini, hari ini.

Pencalonan bahagian MCA dijadualkan antara 4 petang hingga 8 malam hari ini di seluruh negara.

Jawatankuasa Pusat parti baru-baru ini meluluskan satu cadangan untuk mengekalkan status quo di semua peringkat parti untuk mengelakkan perpecahan dalam kepimpinan parti.

Cadangan itu menyarankan supaya pemilihan diadakan tanpa pertandingan dalam semua peringkat apabila 166 bahagian parti mengadakan pencalonan hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan kapasitinya sebagai pengerusi Barisan Nasional, telah mencadangkan MCA menerima rancangan damainya untuk menyelesaikan perbezaan antara dua kumpulan yang diketuai oleh Dr Ling dan timbalannya, Datuk Lim Ah Lek.

Bagaimanapun, Dr Ling enggan mengulas lanjut apabila ditanya tentang negeri yang memberikan persetujuan penuh supaya tidak diadakan pertandingan dan bahagian yang masih belum membuat keputusan mereka.

"Keadaan berbeza... setiap satu perlu ditangani secara berbeza. Setengahnya tidak sukakan pengerusi bahagian, setengah lagi tidak sukakan timbalan pengerusi, perkara-perkara yang macam tu," katanya.

Dr Ling berkata kejayaan setakat ini adalah hasil daripada objektif bersama dan muhibah serta usaha berterusan para pemimpin negeri menyebarkan mesej perpaduan, kedamaian dan kestabilan.

"Menerusi pujukan secara lembut ini...ramai daripada mereka telah menerima formula ini demi kepentingan masyarakat, parti dan negara," kata Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan.

Menjawab soalan, Dr Ling berkata terpulang kepada pemimpin bahagian jika mereka mahu melepaskan jawatan secara sukarela.

"Sesetengahnya sudah penat dan tidak mau meneruskannya. Kita tidak mahu memaksa mereka meneruskannya," katanya dan menambah bahagian berkenaan harus mengisi kekosongan menerusi perbincangan.

-- BERNAMA

RV MAD NAK